



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Laman Web : www.anm.gov.my

Rujukan : JANM.500-8/4/1 (29)

Tarikh : 20 Februari 2026

**Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Akauntan/ Bendahari Negeri
Pihak Berkuasa Badan Berkanun/ Agensi**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS 2026 (MIA CONFERENCE 2026)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Akauntan Malaysia (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa Malaysian Institute of Accountants 2026 (MIA Conference 2026) secara hibrid seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 9 & 10 Jun 2026 (Selasa & Rabu)
Masa : 9.00 pagi hingga 6.00 petang
Tempat : Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
Tema : 'Future-Ready, Value-Driven, Trust-Centred'

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan, MIA telah menawarkan kadar yuran dengan pakej istimewa bagi semua Akauntan lantikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia seperti berikut:

Penyertaan Peserta	Yuran (RM)	Jam Kredit
Bersemuka	1,800.00	18
Secara maya	1,450.00	14

4. Pendaftaran peserta dari setiap Kementerian/ Jabatan/ Agensi boleh dipanjangkan terus kepada MIA. Kerjasama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/ Agensi adalah dimohon untuk membuat hebahan mengenai pakej istimewa kepada **Akauntan lantikan JANM** yang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk menyertai persidangan ini. Untuk makluman, surat edaran dan risalah ini boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (www.anm.gov.my). Bersama-sama ini disertakan risalah MIA Conference 2026 untuk perhatian dan makluman jua.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan persidangan ini, sila hubungi pegawai MIA seperti berikut:

Maklumat Persidangan (Atur Cara)

- i. Puan Noor Azlina Abu Bakar 03 2722 9164 noorazlina@mia.org.my
- ii. Cik Nadiah Namlur 03 2722 9171 nadiah@mia.org.my

Pendaftaran & Pesanan Tempatan (LO)

- i. Cik Azlina Ahmad 03 2722 9112 azlina.ahmad@mia.org.my
- ii. Puan Shahirah Samsudin 03 2722 9163 shahirah@mia.org.my

Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



[HAJI NASRAN BIN OMAR c.A.(M)]
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
b.p Akauntan Negara Malaysia